

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HMP 403 Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa di Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH(7) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab LIMA(5) soalan. SOALAN NO. 1 dan EMPAT(4) soalan yang lain. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Apakah perbezaan di antara Teori Analisis Kontrastif dan Teori Kekhilafan (Error Analysis) di dalam andaian proses pembelajaran bahasa kedua (B2)? Bincangkan bagaimana pendekatan kedua-dua teori itu boleh membantu anda sebagai seorang guru Bahasa dalam pengajaran bahasa Malaysia sebagai B2.
2. Kelas yang akan anda ajar itu mungkin terdiri daripada pelajar yang berbilang kaum/pelbagai dialek dan sebagai seorang guru bahasa Malaysia yang telah didedahkan kepada kursus analisis kontrastif bahasa-bahasa di Malaysia, bincangkan dengan secara ringkas apakah yang harus anda lakukan sebelum anda mula mengajar.
3. Tulis nota pendek bagi tajuk-tajuk yang berikut:
  - (a) pemindahan negatif (negative transfer);
  - (b) fasilitasi (facilitation).
4. Menurut S.P. Corder dalam J.C. Richards (ed.) (1974), kekhilafan berlaku akibat daripada beberapa faktor pokok dalam peringkat pembelajaran. Faktor-faktor tersebut dapat dibahagikan kepada empat kumpulan:
  - (a) Generalisasi dan aplikasi melampau (Overgeneralization dan Overapplication of rules);
  - (b) Tidak mengetahui batas rumus (ignorance of rule restriction).

- (c) Menghipotesis konsep yang palsu (False concept hypothesized).
- (d) Pengaruh luaran, iaitu pengaruh Bahasa ibunda/dialek pertama.

Jelaskan apakah yang dimaksudkan di dalam (a) hingga (d) dan berikan contoh-contoh yang sesuai (dari Bahasa Malaysia) untuk mengilustrasikan faktor-faktor tersebut.

5. Sesuatu kajian yang berdasarkan analisis kekhilafan (Error Analysis) itu boleh menerangkan rumus-rumus yang membentuk sebahagian dari kompetensi si pembelajar Bahasa Kedua (B2). Perhatikan ayat-ayat berikut yang dihasilkan oleh pelajar bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kedua (B2), Terangkan rumus yang membentuk sebahagian kompetensi si pembelajar dan terangkan sejauh manakah rumus ini berbeza daripada kompetensi si penutur bahasa ibunda:
- (a) \*...sampai perhentian bas saya menurun
  - (b) \*pegawai itu dikenakan tindakan tatatertib
  - (c) \*sudah lama tidak berhujan
  - (d) \*semua tempat kena banjir
  - (e) \*...ia juga memenuhi tasik, dan kolam air di mana kita mendapat air ke rumah kita melalui beberapa paip
  - (f) \*diberbagai negeri mengalami musim kemarau
6. Adakah dialek boleh dianggap sebagai variasi bahasa yang mempunyai sistem tersendiri? Sejauh manakah ia mempengaruhi pembelajaran Bahasa Malaysia Standard di sekolah?
7. Sejak munculnya aliran transformasi pada tahun 1957, sering dihujahkan keberkesanan analisis kontrastif di dalam pengajaran bahasa kedua/bahasa asing. Keraguan ini menimbulkan berbagai pendapat di kalangan ahli bahasa - ada yang masih ingin mengekalkan analisis kontrastif, ada yang mahu analisis kontrastif ditinggalkan langsung dan sebahagian lagi bersedia untuk menggabungkan penemuan-penemuan baru dalam wadah yang sama. Bincangkan.